



البنیان: مجلة متعددة التخصصات لدراسات القرآن والحديث

Al-Bunyan: Interdisciplinary Journal of Qur'an and Hadith Studies

ISSN: 3031-3864

DOI: <https://doi.org/10.61166/bunyan.v4i1.86>

Vol. 4 No. 1 (2026)

pp. 29-43

Research Article

Sambutan Hari Ibu Dalam Perspektif Akidah Islam: Analisis Terhadap Unsur Tasyabbuh Dan Budaya Barat

Haswira Salleh Ahim

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, UNISSA, Brunei Darussalam

Corresponding Author, Email: haswirasallehahim@gmail.com

Copyright © 2026 by Authors, Published by **Al-Bunyan: Interdisciplinary Journal of Qur'an and Hadith Studies**. This is an open access article under the CC BY License <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>

Received : June 06, 2026

Revised : July 14, 2026

Accepted : August 18, 2026

Available online : September 02, 2026

How to Cite: Haswira Salleh Ahim. (2026). Mother's Day Celebrations from the Perspective of Islamic Creed: An Analysis of Elements of Tashabbuh and Western Culture. *Al-Bunyan: Interdisciplinary Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 4(1), 29-43. <https://doi.org/10.61166/bunyan.v4i1.86>

Mother's Day Celebrations from the Perspective of Islamic Creed: An Analysis of Elements of Tashabbuh and Western Culture

Abstract. This study examines the celebration of Mother's Day from the perspective of Islamic creed ('aqidah) within the context of cultural globalization and the rapid development of modern social media. Today, Mother's Day has evolved not only as a cultural expression of appreciation for mothers but also as part of the dissemination of Western culture through the media, entertainment, and digital platforms such as TikTok, Instagram, and Facebook. The research problem arises from the tendency of some Muslims to accept the celebration as a culturally neutral practice without critically examining its historical background, the elements of tashabbuh (imitation of non-Islamic practices), and its implications for Muslim identity and the preservation of Islamic creed. This study adopts a qualitative approach through library research and critical analysis of primary and secondary sources, including the Qur'an, hadith, classical Islamic texts (turāth), the works of contemporary Muslim scholars, and

academic literature on Western culture and globalization. The objective of this study is to analyze the celebration of Mother's Day from the perspective of Islamic creed by examining the elements of tashabbuh, the influence of Western culture, and its implications for Muslim identity in the era of digital globalization. The findings reveal that Islam places great emphasis on honoring mothers through the concept of *birr al-wālidayn* (kindness and dutifulness toward one's parents). However, the modern celebration of Mother's Day is associated with the spread of Western culture and the process of normalizing foreign cultural practices within Muslim societies. The study further finds that social media plays a significant role in expanding the acceptance of this cultural practice, resulting in many individuals paying insufficient attention to its cultural and theological implications. In conclusion, Muslims should possess a clear understanding of the distinction between honoring mothers in the manner prescribed by Islam and imitating external cultural practices, so that the preservation of Islamic creed and Muslim identity can be maintained in the face of the challenges posed by contemporary globalization.

Keywords: Mother's Day, Islamic Creed ('Aqidah), *Birr al-Wālidayn*, Tashabbuh, Western Culture.

Abstrak. Kajian ini membincangkan sambutan Hari Ibu dari perspektif akidah Islam dalam konteks globalisasi budaya dan perkembangan media sosial moden. Sambutan Hari Ibu pada masa kini bukan sahaja berkembang sebagai budaya penghargaan terhadap ibu, bahkan turut menjadi sebahagian daripada penyebaran budaya Barat melalui media, hiburan dan platform digital seperti TikTok, Instagram dan Facebook. Masalah kajian timbul apabila sebahagian masyarakat Islam menerima sambutan tersebut sebagai budaya yang neutral tanpa meneliti unsur tasyabbuh, latar sejarah serta implikasinya terhadap identiti dan pemeliharaan akidah umat Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kepustakaan dan analisis kritikal terhadap sumber primer dan sekunder seperti al-Quran, hadith, kitab turath, karya ulama kontemporari dan penulisan berkaitan budaya Barat dan globalisasi. Objektif kajian adalah untuk menganalisis sambutan Hari Ibu dari perspektif akidah Islam dengan meneliti unsur tasyabbuh, pengaruh budaya Barat dan implikasinya terhadap identiti umat Islam dalam era globalisasi digital. Hasil kajian menunjukkan bahawa Islam sememangnya sangat menekankan penghormatan terhadap ibu melalui konsep *birr al-walidayn*, namun sambutan Hari Ibu moden mempunyai kaitan dengan perkembangan budaya Barat dan proses normalisasi budaya asing dalam masyarakat Muslim. Kajian juga mendapati bahawa media sosial memainkan peranan besar dalam memperluaskan penerimaan budaya tersebut sehingga sebahagian masyarakat kurang meneliti implikasi budaya dan akidah yang berkaitan dengannya. Kesimpulannya, umat Islam perlu mempunyai kefahaman yang jelas mengenai batas antara penghormatan terhadap ibu yang dianjurkan Islam dengan penyerupaan terhadap budaya luar agar pemeliharaan akidah dan identiti Islam dapat terus dipelihara dalam menghadapi cabaran globalisasi moden.

Kata Kunci: Hari Ibu, Akidah, *Birr Al-Walidayn*, Tasyabbuh, Budaya Barat.

PENDAHULUAN

Perkembangan globalisasi pada era kontemporari telah membawa kepada penyabaran budaya Barat secara meluas ke seluruh dunia tanpa batas geografi yang jelas. Kemajuan teknologi komunikasi dan hubungan antarabangsa menjadikan pelbagai bentuk budaya, pemikiran dan gaya hidup asing mudah diterima oleh masyarakat global termasuk dalam kalangan umat Islam. Fenomena ini menyebabkan masyarakat moden semakin terdedah kepada pengaruh budaya luar yang disebarkan melalui pelbagai medium seperti hiburan. Pendidikan, ekonomi dan media massa. Dalam keadaan tersebut, sebahagian budaya Barat bukan sahaja diterima sebagai trend sosial, bahkan mula dianggap sebagai norma kehidupan

sejagat tanpa penelitian mendalam terhadap latar belakang dan asas pembentukannya.¹

Selain itu, perkembangan media sosial seperti TikTok, Instagram, Facebook dan Youtube turut mempercepat proses penyebaran budaya global dalam kehidupan masyarakat moden. Platform digital bukan sekadar menjadi medium komunikasi, bahkan berfungsi sebagai ruang pembentukan persepsi, identiti dan cara hidup masyarakat khususnya generasi muda. Kandungan yang bersifat viral dan berulang menyebabkan sesuatu budaya mudah diterima dan dinormalisasikan dalam kehidupan harian. Keadaan ini menjadikan masyarakat lebih cenderung mengikuti trend antarabangsa termasuk sambutan tertentu tanpa meneliti aspek sejarah, agama dan implikasi pemikiran yang terkandung di sebaliknya.²

Dalam konteks tersebut, sambutan Hari Ibu merupakan antara budaya global yang semakin meluas diraikan dalam pelbagai negara termasuk negara majoriti Muslim. Sambutan ini lazimnya dikaitkan dengan penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan seorang ibu melalui pemberian hadiah, ucapan penghargaan dan pelbagai bentuk perayaan tahunan. Bahkan, media sosial memainkan peranan besar dalam memperkukuh popularity sambutan ini apabila pengguna berkongsi gambar, video dan ucapan berkaitan Hari Ibu secara meluas setiap tahun. Fenomena ini menunjukkan bahawa Hari Ibu telah berkembang menjadi satu budaya sosial global yang diterima secara meluas dalam masyarakat moden.³

Walau bagaimanapun, penerimaan sambutan Hari Ibu dalam masyarakat Islam turut menimbulkan beberapa persoalan dari sudut akidah dan identiti keagamaan. Antaranya ialah berkaitan asal-usul sambutan tersebut yang dikaitkan dengan tradisi Barat dan sebahagian sejarah peradaban non-Muslim. Selain itu, timbul juga perbincangan mengenai unsur tasyabbuh iaitu penyerupaan terhadap budaya dan perayaan golongan lain yang boleh membawa kepada kekeliruan identiti Muslim. Dalam masa yang sama, proses normalisasi budaya Barat melalui media sosial menyebabkan sebahagian masyarakat menerima sambutan ini tanpa penelitian kritikal terhadap asas budaya dan falsafah yang mendasarinya.⁴

Dari perspektif Islam, penghormatan terhadap ibu sememangnya mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dan ditegaskan secara jelas dalam al-Quran dan Hadis Nabi SAW. Islam meletakkan kewajipan berbuat baik kepada ibu sebagai antara amalan yang paling utama dan tidak terhad kepada waktu atau hari tertentu sahaja. Namun demikian, Islam turut memberikan perhatian terhadap aspek pemeliharaan akidah, identiti dan batas penyerupaan terhadap amalan yang mempunyai kaitan dengan budaya atau syiar agama lain. Oleh itu, perbincangan mengenai sambutan

¹ Roland Robertson, *Globalization: Social Theory and Global Culture* (London: Sage Publications, 1992), 8–15.

² Manuel Castells, *The Rise of the Network Society* (Oxford: Blackwell Publishing, 2010), 371–378.

³ Katharine Lane Antolini, *Memorializing Motherhood: Anna Jarvis and the Struggle for Control of Mother's Day* (Morgantown: West Virginia University Press, 2014), 25–30.

⁴ Abū Ishāq al-Shāṭibī, *al-I'tisām* (Riyadh: Dār Ibn 'Affān, 1992), 1: 270–275.

Hari Ibu tidak boleh dilihat semata-mata sebagai isu sosial, bahkan perlu dianalisis dalam kerangka pemeliharaan agama dan identiti umat Islam.⁵

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti sambutan Hari Ibu dari perspektif akidah Islam dengan memberi fokus terhadap unsur tasyabbuh, pengaruh budaya Barat dan implikasinya terhadap pemikiran dan identiti Muslim. Kajian ini juga penting bagi memberikan kefahaman yang lebih jelas mengenai batas penerimaan budaya luar dalam masyarakat Islam khususnya dalam era globalisasi digital. Melalui pendekatan ini, diharapkan perbincangan yang dilakukan dapat membantu masyarakat memahami konsep penghormatan terhadap ibu menurut Islam secara lebih menyeluruh tanpa mengabaikan prinsip pemeliharaan akidah dan identiti keislaman.

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kepustakaan bagi meneliti sambutan Hari Ibu dari perspektif akidah Islam. Data kajian diperoleh daripada sumber primer dan sekunder seperti al-Quran, hadiith, kitab turath, karya ulama kontemporari dan artikel akademik yang berkaitan dengan konsep tasyabbuh, Maqasid Syariah, Hifz al-din dan budaya Barat. Selain itu, kajian ini turut menggunakan pendekatan analisis kritikal dan analisis wacana media sosial bagi menilai pengaruh globalisasi budaya, normalisasi sambutan Hari Ibu dan implikasinya terhadap identiti dan pemikiran umat Islam dalam era digital kontemporari.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Sambutan Hari Ibu mempunyai latar belakang sejarah yang panjang dan berkait rapat dengan perkembangan budaya dan peradaban masyarakat Barat sejak zaman kuno. Dalam tamadun Greek purba, masyarakat pada ketika itu mengadakan upacara penghormatan terhadap Rhea yang dianggap sebagai “*Mother of the Gods*” atau ibu kepada para dewa dalam mitologi Greek. Upacara tersebut dilakukan sebagai tanda penghormatan kepada unsur keibuan dan kesuburan yang dipercayai mempunyai hubungan dengan kekuatan spiritual dan kehidupan manusia. Tradisi ini menunjukkan bahawa konsep penghormatan terhadap ibu dalam sejarah Barat pada asalnya mempunyai kaitan dengan unsur kepercayaan dan mitologi masyarakat pagan.⁶

Selain tamadun Greek, masyarakat Rom purba turut mempunyai sambutan yang hampir sama melalui festival yang dikenali sebagai *Hilaria* yang didedikasikan kepada *Cybele*, iaitu simbol ibu dan kesuburan dalam kepercayaan Rom. Festival tersebut disambut dengan pelbagai bentuk kepercayaan, upacara dan penghormatan tertentu yang berkait dengan unsur spiritual masyarakat Rom ketika itu. Keadaan ini memperlihatkan bahawa penghormatan terhadap figura ibu dalam tamadun Barat

⁵ Abū ‘Abd Allāh al-Qurṭubī, al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2006), 10: 239–242.

⁶ Robert Graves, *The Greek Myths* (London: Penguin Books, 1992), 39–42.

awal bukan sekadar bersifat sosial, tetapi mempunyai hubungan dengan kepercayaan agama dan budaya masyarakat pagan yang berkembang pada zaman tersebut.⁷

Perkembangan sambutan Hari Ibu kemudiannya diteruskan dalam tradisi Kristian Barat khususnya di Eropah melalui sambutan yang dikenali sebagai *Mothering Sunday*. Sambutan ini mula berkembang di Britian sekitar abad ke 16 dan dikaitkan dengan amalan mengunjungi gereja utama atau *mother church* pada hari tertentu dalam kalender Kristian. Dalam masa yang sama, sambutan tersebut turut dikaitkan dengan penghormatan kepada ibu dan institusi kekeluargaan. Walaupun unsur keagamaan Kristian lebih utama berbanding unsur pagan terdahulu, sambutan ini tetap memperlihatkan kesinambungan tradisi budaya Barat yang meletakkan hari tertentu sebagai simbol penghormatan terhadap ibu.⁸

Dalam konteks moden, sambutan Hari Ibu dipopularkan secara meluas di United States oleh Anna Jarvis pada awal abad ke 20. Beliau memperjuangkan pengiktirafan rasmi Hari Ibu sebagai satu sambutan tahunan bagi menghargai pengorbanan dan jasa seorang ibu. Hasil usaha tersebut, hari ibu akhirnya diiktiraf secara rasmi di Amerika pada tahun 1914 sebelum berkembang ke pelbagai negara lain. Namun demikian, sambutan ini kemudiannya berubah menjadi budaya yang mashur apabila syarikat perniagaan menggunakan Hari Ibu sebagai medium pemasaran bagi penjualan bunga, kad ucapan, hadiah dan pelbagai produk berkaitan.⁹

Pada masa kini, sambutan Hari Ibu telah berkembang menjadi budaya global yang diraikan dalam pelbagai bentuk termasuk pemberian hadiah, bunga, jamuan makan, ucapan penghargaan dan perkongsian kandungan di media sosial. Platform di media sosial memainkan peranan besar dalam memperluaskan sambutan ini melalui trend ucapan, video dan kandungan viral berkaitan ibu.¹⁰ Sambutan tersebut bukan sahaja diterima dalam masyarakat Barat, bahkan turut menjadi fenomena tahunan dalam negara-negara Islam dan masyarakat Muslim kontemporari. Keadaan ini menunjukkan bahawa Hari Ibu bukan lagi sekadar sambutan tempatan, tetapi telah menjadi sebahagian daripada budaya global moden yang dipengaruhi oleh media, komersialisme dan globalisasi budaya Barat.¹¹

KEDUDUKAN IBU DALAM ISLAM

Islam meletakkan kedudukan ibu pada darjat yang sangat tinggi dan mulia dalam kehidupan manusia. Penghormatan terhadap ibu bukan sekadar nilai sosial atau adat masyarakat, bahkan merupakan tuntutan agama yang ditegaskan secara jelas dalam al-Quran dan Hadith Nabi SAW. Kedudukan istimewa ini diberikan

⁷ H. H. Scullard, *Festivals and Ceremonies of the Roman Republic* (London: Thames and Hudson, 1981), 97–101.

⁸ Leigh Eric Schmidt, *Consumer Rites: The Buying and Selling of American Holidays* (Princeton: Princeton University Press, 1995), 137–142.

⁹ Katharine Lane Antolini, *Memorializing Motherhood: Anna Jarvis and the Struggle for Control of Mother's Day* (Morgantown: West Virginia University Press, 2014), 52–60.

¹⁰ Arindita, R. (2017). Representasi ibu ideal pada media sosial (analisis multimodality pada akun instagram@ andienippeka). *Jurnal Komunikasi Global*, 6(2), 131–147.

¹¹ Manuel Castells, *Communication Power* (Oxford: Oxford University Press, 2009), 406–410.

kerana besarnya pengorbanan seorang ibu dalam mengandung, melahirkan, membesarkan dan mendidik anak-anak dengan penuh kasih sayang dan kesabaran. Oleh sebab itu, Islam menjadikan kewajiban berbuat baik kepada ibu sebagai antara amalan yang paling utama selepas kewajiban mentauhidkan Allah SWT.¹²

Penegasaan mengenai kewajiban menghormati ibu dapat dilihat melalui firman Allah SWT dalam surah Luqman yang menjelaskan tentang kesusahan seorang ibu ketika mengandung dan menyusukan anaknya. Ayat tersebut menunjukkan penghargaan dan layanan yang baik daripada anak-anak.¹³ Selain itu, Surah al-Isra' turut menengaskan larangan berkata kasar kepada ibu bapa termasuk ucapan "ah" sebagai simbol penghormatan dan kelembutan dalam interaksi dengan mereka.¹⁴ Ayat-ayat ini membuktikan bahawa Islam memberi perhatian yang sangat besar terhadap hubungan anak dengan ibu bapa khususnya ibu sebagai insan yang paling banyak berkorban dalam kehidupan anak-anak.¹⁵

Kedudukan ibu yang tinggi dalam Islam juga dapat dilihat melalui Hadith Nabi SAW yang terkenal apabila seorang lelaki bertanya siapakah individu yang paling berhak mendapat layanan baik daripada Rasulullah SAW menjawab: "ibumu", kemudian diulang sebanyak tiga kali sebelum menyebut "ayahmu". Hadith ini menunjukkan bahawa Islam memberikan keutamaan yang sangat besar kepada ibu disebabkan besarnya pengorbanan dan kasih sayang yang dicurahkan kepada anak-anak. Para ulama menjelaskan bahawa pengulangan tersebut menggambarkan keluasan hak dan penghormatan yang wajib diberikan kepada ibu dalam kehidupan seorang Muslim.¹⁶

Selain itu, Islam turut memperkenalkan konsep *birr al-walidayn* iaitu kewajiban berbuat baik kepada kedua ibu bapa sebagai salah satu tuntuan utama dalam syariat Islam. Konsep ini bukan sekadar merangkumi pemberian material, tetapi melibatkan aspek akhlak, komunikasi, kasih sayang, ketaatan dan doa kepada ibu bapa sepanjang kehidupan mereka. Bahkan, kewajipan tersebut terus berlanjutan walaupun selepas kematian ibu bapa melalui amalan seperti mendoakan mereka dan menyambung hubungan silaturahmi dengan orang yang mereka kasihi. Ini menunjukkan bahawa penghormatan terhadap ibu dalam Islam bersifat menyeluruh dan berterusan, bukan terhad kepada simbolik tertentu sahaja.¹⁷

Dalam masa yang sama, Islam tidak menghadkan penghormatan terhadap ibu kepada satu hari tertentu dalam setahun sebagaimana budaya sambutan Hari Ibu. Sebaliknya, penghormatan terhadap ibu merupakan kewajiban yang perlu dilaksanakan setiap masa tanpa mengira hari, bulan atau musim tertentu. Seorang Muslim dituntut untuk sentiasa menghormati, membantu dan menjaga kebajikan ibunya dalam kehidupan harian. Keadaan ini memperlihatkan bahawa Islam

¹² Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.), 2: 212–215.

¹³ Al-Qur'an, Surah Luqman 31:14.

¹⁴ Al-Qur'an, Surah al-Isrā' 17:23.

¹⁵ Abū 'Abd Allāh al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2006), 14: 63–67.

¹⁶ Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Khayr, 1996), 16: 79–81.

¹⁷ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Dār Ṭaybah, 2005), 10: 401–405.

membentuk hubungan yang lebih mendalam dan berterusan antara anak dan ibu berbanding pendekatan sambutan tahunan yang bersifat sementara atau simbolik.¹⁸

Oleh itu, terdapat perbezaan yang jelas antara konsep penghormatan terhadap ibu dalam Islam dengan sambutan budaya tahunan Barat seperti Hari Ibu. Islam menekankan penghormatan yang berterusan berasaskan tuntutan akidah, ibadah dan akhlak, manakala sambutan Hari Ibu moden lebih bersifat budaya sosial dan simbolik tahunan. Walaupun kedua-duanya menonjolkan penghargaan terhadap ibu, pendekatan Islam lebih menyeluruh kerana tidak terikat dengan budaya tertentu atau waktu tertentu sahaja. Justeru, perbincangan mengenai sambutan Hari Ibu dalam masyarakat Islam perlu dilihat secara teliti agar penghormatan terhadap ibu dapat dilaksanakan selaras dengan prinsip syariat dan pemeliharaan identiti Islam.¹⁹

KONSEP TASYABBUH DALAM ISLAM

Konsep *tasyabbuh* merupakan antara perbincangan penting dalam Islam yang berkait dengan pemeliharaan identiti dan keperibadian umat Islam. Dari sudut bahasa, *tasyabbuh* merujuk kepada perbuatan menyerupai atau meniru pihak lain sama ada dari aspek pakaian, amalan, budaya atau cara hidup. Dari sudut istilah pula, para ulama menjelaskan bahawa *tasyabbuh* merujuk kepada penyerupaan terhadap golongan non-Muslim khususnya dalam perkara yang menjadi identiti khas, syiar agama atau simbol yang berkait dengan pegangan mereka. Perbincangan ini menjadi penting kerana Islam bukan sahaja menitikberatkan aspek ibadah, bahkan turut memberi perhatian terhadap pembentukan identiti umat yang berbeza daripada unsur yang boleh membawa kepada kekeliruan akidah dan budaya.²⁰

Asas utama perbincangan *tasyabbuh* daapt dilihat melalui Hadith Nabi SAW yang menyatakan bahawa “barangsiapa menyerupai sesuatu kaum maka dia termasuk daripada mereka”. Hadith ini sering dijadikan sandaran oleh para ulama dalam membincangkan batas penyerupaan terhadap golongan lain. Al-San’ani menjelaskan bahawa Hadith tersebut menunjukkan larangan menyerupai golongan non-Muslim dalam perkara yang menjadi identiti dan syiar khas mereka kerana ia boleh membawa kepada kecenderungan hati dan pengagungan terhadap budaya tersebut.²¹ Ibn Hajar pula menghuraikan bahawa larangan tersebut lebih tertumpu kepada perkara yang mempunyai unsur keagamaan atau ciri khusus sesuatu kaum sehingga membezakan mereka daripada kelompok lain.²² Dalam masa yang sama, al-Shatibi turut menegaskan bahawa syariat Islam bertujuan membentuk identiti umat yang

¹⁸ Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī, *Min Rawā’i al-Qur’ān* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1999), 144–148.

¹⁹ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1997), 301–305.

²⁰ Abū Ishāq al-Shāṭibī, *al-I’tisām* (Riyadh: Dār Ibn ‘Affān, 1992), 1: 245–250.

²¹ Muḥammad ibn Ismā‘īl al-Ṣan‘ānī, *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2004), 4: 175–178.

²² Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Dār Ṭaybah, 2005), 10: 282–285.

tersendiri dan mengelakkan percampuran budaya yang boleh menjejaskan kefahaman agama.²³

Walau bagaimanapun, para ulama membezakan antara *tasyabbuh* yang diharamkan dan *tasyyabuh* yang dibenarkan berdasarkan bentuk dan tujuan sesuatu amalan. Tasyabbuh yang diharamkan merujuk kepada penyerupaan dalam perkara yang berkait dengan syiar agama, ritual ibadah atau identiti khas sesuatu agama sehingga boleh membawa kepada pengangungan atau pengiktirafan terhadap kepercayaan tersebut. Contohnya termasuk menyertai ritual keagamaan non-Muslim atau memakai simbol agama tertentu dengan tujuan pengangungan. Sebaliknya, tasyabbuh yang dibenarkan ialah perkara yang bersifat umum dan tidak berkait dengan unsur agama seperti penggunaan teknologi, bahasa, sistem pentadbiran atau budaya harian yang tidak bercanggah dengan syariat Islam. Perbezaan ini menunjukkan bahawa Islam tidak boleh menolak semua bentuk budaya luar secara mutlak, tetapi menilai berdasarkan unsur akidah dan implikasi syarak.²⁴

Dalam konteks sambutan Hari Ibu, timbul perbahasan dalam kalangan ulama mengenai sama ada sambutan tersebut termasuk dalam kategori syiar agama, adat budaya atau sekadar budaya umum masyarakat moden. Sebahagian ulama berpandangan bahawa Hari Ibu mempunyai kaitan sejarah dengan tradisi Barat dan unsur keagamaan tertentu pada peringkat awal perkemabangannya, justeru ia perlu dinilai dengan berhati-hati bagi mengelakkan unsur tasyabbuh terhadap budaya non-Muslim. Namun terdapat juga pandangan yang melihat sambutan tersebut sebagai adat sosial moden yang tidak lagi berkait secara langsung dengan ritual agama tertentu, khususnya apabila ia bertujuan menghargai jasa ibu semata-mata. Perbezaan pandangan ini menunjukkan bahawa isu Hari Ibu memerlukan penelitian yang mendalam terhadap asal-usul, tujuan dan bentuk pelaksanaannya dalam masyarakat Islam.²⁵

Selain itu, para ulama turut membezakan antara adat dan ibadah dalam menentukan hukum sesuatu amalan. Ibadah bersifat tauqifiyyah iaitu mesti bersandarkan dalil yang jelas daripada syariat, manakala adat pula pada asalnya harus selagi tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Yusuf al-Qaradawi sebagai ulama kontemporari menjelaskan bahawa sesuatu budaya atau adat boleh diterima sekiranya tidak mengandungi unsur syirik, maksiat atau pengagungan terhadap agama lain. Namun demikian, beliau turut menekankan kepentingan menjaga identiti Islam dan mengelakkan keterlaluan dalam meniru budaya luar tanpa tapisan. Oleh itu, konsep tasyabbuh perlu difahami secara seimbang agar umat Islam dapat membezakan antara penyerupaan yang bercanggah dengan akidah dan budaya umum yang dibenarkan oleh syariat.²⁶

²³ Abū Ishāq al-Shātibī, *al-I'tisām* (Riyadh: Dār Ibn 'Affān, 1992), 1: 245–250.

²⁴ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), 1: 684–688.

²⁵ Bakr ibn 'Abd Allāh Abū Zayd, *Ḥukm al-Ihtifāl bi A'yād al-Milād wa Ghayrihā* (Riyadh: Dār al-Āṣimah, 1999), 33–38.

²⁶ Yūsuf al-Qaradāwī, *al-Ṣaḥwah al-Islāmiyyah bayna al-Juhūd wa al-Taṭarruf* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2001), 168–172.

HARI IBU DAN BUDAYA BARAT

Sambutan Hari Ibu pada masa kini dapat dilihat sebagai sebahagian daripada proses globalisasi budaya Barat yang berkembang secara meluas ke seluruh dunia. Globalisasi bukan sahaja melibatkan penyebaran ekonomi dan teknologi, bahkan turut membawa bersama nilai, gaya hidup dan budaya teknologi, bahkan turut membawa bersama nilai, gaya hidup dan budaya masyarakat Barat ke dalam kehidupan masyarakat lain termasuk umat Islam. Dalam konteks ini, Hari Ibu berkembang daripada sambutan tempatan di Barat kepada budaya global yang diraikan hampir di seluruh dunia tanpa mengira latar belakang agama dan budaya. Fenomena ini menunjukkan bagaimana sesuatu budaya Barat mampu diterima secara meluas melalui proses globalisasi moden yang dipacu oleh media dan teknologi komunikasi.²⁷

Perkembangan media sosial memainkan peranan yang sangat besar dalam mempercepatkan penyebaran sambutan Hari Ibu dalam masyarakat kotemporari. Platform di media sosial menjadi medium utama penyebaran trend penghargaan Hari Ibu melalui video, gambar, ucapan dan kandungan viral yang dikongsikan secara besar-besaran setiap tahun. Selain media sosial, industri hiburan Barat seperti filem dan rancangan televisyen turut memaparkan sambutan Hari Ibu sebagai budaya normal dalam kehidupan masyarakat moden. Kehadiran *influencer* dan selebriti media sosial yang mempromosikan sambutan tersebut juga menyebabkan masyarakat lebih mudah menerima dan menirunya sebagai sebahagian daripada gaya hidup semasa.²⁸

Dalam masa yang sama, sambutan Hari Ibu turut berkembang menjadi budaya komersial yang berkait rapat dengan konsumerisme moden. Pelbagai syarikat perniagaan menggunakan sambutan ini sebagai peluang pemasaran melalui promosi hadiah, bunga, coklat, makan malam dan pelbagai bentuk produk berkaitan. Budaya pemberian hadiah dan bunga atau flower culture menjadi simbol utama sambutan Hari Ibu sehingga mewujudkan persepsi bahawa penghargaan terhadap ibu perlu diterjemahkan melalui pembelian material tertentu. Keadaan ini menunjukkan bahawa sambutan Hari Ibu bukan lagi sekadar simbol penghormatan, bahkan telah dipengaruhi oleh budaya pengguna dan ekonomi kapitalis yang menekankan aspek komersial dan keuntungan.²⁹

Selain itu, budaya celebration culture yang berkembang dalam masyarakat moden turut mengukuhkan lagi kedudukan Hari Ibu sebagai sambutan tahunan yang dianggap penting. Masyarakat kini cenderung meraikan pelbagai hari tertentu secara besar-besaran termasuk Mother's Day, Valentine's Day dan sambutan lain yang berasal daripada budaya Barat. Perayaan seperti ini sering dipromosikan sebagai simbol kasih sayang, penghargaan dan kemodenan sehingga menyebabkan masyarakat merasa perlu untuk turut dan bagi mengelakkan dianggap ketinggalan.

²⁷ Roland Robertson, *Globalization: Social Theory and Global Culture* (London: Sage Publications, 1992), 27–31.

²⁸ Manuel Castells, *Communication Power* (Oxford: Oxford University Press, 2009), 414–420.

²⁹ Leigh Eric Schmidt, *Consumer Rites: The Buying and Selling of American Holidays* (Princeton: Princeton University Press, 1995), 145–150.

Dalam keadaan tersebut, media sosial turut mewujudkan tekanan sosial secara tidak langsung apabila pengguna berlumba-lumba mempamerkan bentuk penghargaan mereka terhadap ibu melalui perkongsian dalam talian.³⁰

Fenomena ini menyebabkan sebahagian umat Islam menerima sambutan Hari Ibu tanpa meneliti latar belakang sejarah dan unsur budaya yang mendasarinya. Kebanyakan masyarakat melihat sambutan tersebut hanya sebagai adat penghargaan semata-mata tanpa memahami kaitannya dengan perkembangan budaya Barat dan proses *westernisasi* global. Keadaan ini memperlihatkan bagaimana budaya asing dapat diterima secara perlahan-lahan sehingga menjadi kebiasaan dalam kehidupan umat Islam. Bahkan, sebahagian masyarakat mula menganggap budaya tersebut sebagai sesuatu yang universal dan neutral tanpa menyedari bahawa ia lahir daripada konteks sejarah dan peradaban Barat tertentu.³¹

Dari sudut analisis budaya, fenomena sambutan Hari Ibu boleh dilihat sebagai bentuk *soft power* Barat dalam mempengaruhi pemikiran dan gaya hidup masyarakat global. Penyebaran budaya melalui hiburan, media sosial dan komersialisme menjadikan masyarakat menerima budaya Barat secara sukarela tanpa paksaan langsung. Keadaan ini membawa kepada normalisasi budaya asing dalam kehidupan umat Islam sehingga sebahagian identiti dan cara hidup Islam semakin terhakis secara perlahan.³² Oleh itu, sambutan Hari Ibu bukan sekadar berkait dengan penghormatan terhadap ibu, tetapi turut melibatkan persoalan identiti budaya, pengaruh globalisasi dan cabaran pemeliharaan nilai dan akidah Islam dalam masyarakat moden.

ANALISIS AKIDAH DAN HIFZ AL-DIN

Konsep Hifz al-din atau pemeliharaan agama merupakan salah satu daripada prinsip utama dalam Maqasid Syariah yang bertujuan menjaga kesucian akidah, ibadah dan identiti umat Islam. Dalam kerangka ini, Islam bukan sahaja menitikberatkan aspek kepercayaan, bahkan turut menjaga unsur budaya, simbol dan amalan yang boleh mempengaruhi kefahaman agama seseorang Muslim. Para ulama seperti Abu Ishaq al-Shatibi menjelaskan bahawa syariat Islam dibina untuk memelihara lima perkara asas termasuk agama sebagai keutamaan tertinggi. Oleh itu, sebarang budaya atau amalan luar yang berpotensi membawa kepada kekeliruan akidah dan penghakisan identiti Islam perlu dinilai secara berhati-hati berdasarkan prinsip Hifz al-din.³³

Dalam konteks sambutan Hari Ibu, isu utama yang timbul bukanlah penghormatan terhadap ibu itu sendiri, tetapi bentuk sambutan dan asal usul budaya tersebut dalam peradaban Barat. Islam sememangnya menggalakkan penghormatan terhadap ibu dan menganggapnya sebagai satu kewajipan agama. Namun demikian,

³⁰ Jean Baudrillard, *The Consumer Society: Myths and Structures* (London: Sage Publications, 1998), 92-97.

³¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 133-138.

³² Joseph S. Nye Jr., *Soft Power: The Means to Success in World Politics* (New York: PublicAffairs, 2004), 5-11.

³³ Abū Ishāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah* (Jeddah: Dār Ibn 'Affān, 1997), 2: 8-12.

Islam juga menitikberatkan aspek pemeliharaan identiti umat agar tidak larut dalam budaya asing yang bercanggah dengan prinsip syariat. Penyerupaan budaya luar secara berlebihan tanpa tapisan boleh menyebabkan umat Islam kehilangan kepekaan terhadap batas antara budaya Islam dan budaya non-Muslim sehingga mewujudkan kekeliruan dalam identiti keagamaan mereka.³⁴

Selain itu, penerimaan budaya asing secara berterusan turut berpotensi membawa kepada gangguan terhadap budaya Barat dalam kehidupan masyarakat Muslim. Melalui globalisasi dan media sosial, sambutan Hari Ibu dipromosikan sebagai budaya moden dan universal sehingga sebahagian masyarakat menganggapnya sebagai satu kewajiban sosial yang mesti diraikan. Keadaan ini secara tidak langsung memperlihatkan bagaimana budaya Barat mampu mempengaruhi cara berfikir dan gaya hidup umat Islam melalui proses normalisasi budaya. Dalam jangka panjang, penerimaan budaya luar tanpa penilaian syarak dibimbangi boleh membuka ruang kepada penerimaan unsur lain yang lebih bercanggah dengan akidah dan identiti Islam.³⁵

Di samping itu, Islam juga memberi perhatian terhadap isu normalisasi syiar non-Muslim dalam kehidupan umat Islam. Walaupun sebahagian sambutan moden mungkin dilihat bersifat sosial dan tidak lagi mempunyai unsur ritual agama yang jelas, asal usul dan latar sejarah sesuatu budaya tetap perlu diambil kira dalam penilaian hukum dan implikasi akidah. Hal ini kerana sesuatu budaya yang berasal daripada tradisi agama atau peradaban tertentu boleh membawa kesan psikologi dan identiti apabila diterima secara meluas oleh umat Islam. Oleh itu, prinsip *sadd al-dhara'i* iaitu menutup jalan kepada kemudharatan sering digunakan oleh para ulama bagi mengelakkan masyarakat Islam terpengaruh secara perlahan dengan unsur budaya yang boleh menghakis identiti agama mereka.³⁶

Walau bagaimanapun, Islam tidak pernah menolak konsep menghormati dan menghargai ibi kerana ia merupakan tuntutan yang sangat besar dalam agama. Sebaliknya, Islam menilai cara, bentuk, asal sambutan dan implikasi sesuatu amalan terhadap akidah dan identiti Muslim. Penghormatan terhadap ibu menurut Islam bersifat menyeluruh dan berterusan tanpa perit terikat dengan sambutan budaya tahunan tertentu. Oleh itu, umat Islam perlu memahami bahawa menjaga akidah bukan sekadar menjauhi syirik secara langsung, tetapi turut melibatkan usaha memelihara identiti dan keaslian budaya Islam daripada pengaruh luar yang boleh membawa kepada kekeliruan dan normalisasi budaya Islam daripada pengaruh luar yang boleh membawa kepada kekeliruan dan normalisasi budaya asing dalam kehidupan Muslim kontemporari.³⁷

³⁴ Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *al-Ḥub fī Allāh wa al-Bughḍ fī Allāh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1993), 95–99.

³⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 134–140.

³⁶ Aḥmad al-Raysūnī, *Naẓariyyat al-Maqāṣid 'inda al-Imām al-Shāṭibī* (Herndon: IIIT, 1995), 355–360.

³⁷ Yūsuf al-Qaradāwī, *al-Ṣaḥwah al-Islāmiyyah bayna al-Juḥūd wa al-Taṭarruf* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2001), 170–175.

PANDANGAN ULAMA TENTANG SAMBUTAN HARI IBU

Perbahasan mengenai hukum sambutan Hari Ibu menunjukkan kewujudan perbezaan pandangan dalam kalangan ulama kontemporari. Perbezaan ini berlaku kerana sambutan tersebut melibatkan pertembungan antara unsur adat, budaya dan persoalan pemeliharaan identiti Islam. Sebahagian ulama melihat Hari Ibu sebagai budaya Barat yang mempunyai unsur penyerupaan terhadap non-Muslim, manakala sebahagian yang lain menganggapnya sebagai adat penghargaan yang tidak semestinya berkait dengan unsur ibadah atau akidah. Oleh itu, perbahasan ini perlu difahami dalam kerangka fiqh, maqasid syariah dan konsep tasyabbuh yang dibincangkan oleh para ulama.

a) Pandangan Yang Melarang

Sebahagian ulama berpandangan bahawa sambutan Hari Ibu tidak dibenarkan kerana mempunyai unsur penyerupaan terhadap budaya non-Muslim dan tidak berasal daripada ajaran Islam. Mereka berhujah bahawa Islam hanya mengiktiraf perayaan tertentu Eid al-Fitr dan Eid al-Adha, manakala sambutan tahunan lain yang menyerupai budaya luar tidak termasuk dalam syiar Islam. Selain itu, pengkhususan satu hari tertentu untuk menghormati ibu dianggap bertentangan dengan konsep Islam yang menuntut penghormatan terhadap ibu sepanjang masa. Golongan ini juga melihat sambutan Hari Ibu sebagai sebahagian daripada budaya Barat moden yang disebarkan melalui proses globalisasi dan westernisasi budaya.³⁸

Antara tokoh yang sering dikaitkan dengan pandangan ini ialah Abd al-Aziz ibn Baz, Salih al-Fawzan serta sebahagian ulama lain yang menekankan pemeliharaan identiti Islam. Mereka menegaskan bahawa perayaan yang tidak mempunyai asas dalam syariat boleh termasuk dalam kategori bid'ah apabila dijadikan amalan berulang dan diraikan secara khusus setiap tahun. Di samping itu, unsur *tasyabbuh* terhadap budaya non-Muslim dianggap boleh membawa kepada pengagungan budaya asing dan penghakisan identiti Islam secara perlahan. Oleh itu, mereka berpandangan bahawa sambutan Hari Ibu wajar dielakkan bagi menjaga kemurnian syiar dan identiti umat Islam.³⁹

b) Pandangan Yang Mengharuskan Dengan Syarat

Dalam masa yang sama, terdapat juga sebahagian ulama kontemporari yang mengharuskan sambutan Hari Ibu dengan syarat tertentu. Mereka berpandangan bahawa sambutan tersebut hanyalah adat sosial bagi menghargai jasa ibu dan tidak semestinya dianggap sebagai ibadah atau ritual keagamaan. Golongan ini menegaskan bahawa hukum asal adat adalah harus selagi tidak mengandungi unsur syirik, maksiat atau kepercayaan agama tertentu. Mereka juga berpendapat bahawa

³⁸ Bakr ibn 'Abd Allāh Abū Zayd, *Ḥukm al-Iḥtifāl bi al-Munāsabāt al-Mubtada'ah* (Riyadh: Dār al-Āṣimah, 2000), 41–45.

³⁹ Ṣāliḥ al-Fawzān, *al-Bayān li Akḥṭā' Ba'd al-Kuttāb* (Riyadh: Dār al-Āṣimah, 2003), 215–218.

pemberian hadiah dan penghargaan kepada ibu merupakan sesuatu yang selari dengan tuntutan Islam sekiranya dilakukan dalam batas syarak.⁴⁰

Antara tokoh yang sering dikaitkan dengan pandangan ini ialah Yusuf al-Qaradawi⁴¹ dan Wahbah al-Zuhayli dan sebahagian ulama kontemporari lain. Namun demikian, mereka menetapkan beberapa syarat penting seperti tidak melampau dalam sambutan, tidak mempercayai kesucian atau keagamaan hari tersebut, tidak bercanggah dengan syariat serta tidak mengabaikan kewajipan menghormati ibu pada hari-hari lain. Dengan kata lain, sambutan itu hanya dianggap sebagai medium penghargaan sosial dan bukannya perayaan agama yang mempunyai nilai spiritual tertentu.

c) Perbincangan Hasil Analisis Penulis

Walau bagaimanapun, dari sudut analisis akidah dan pemeliharaan identiti Islam, pandangan yang melarang sambutan Hari Ibu dilihat lebih berhati-hati dan selaras dengan prinsip sadd al-dharā'i iaitu menutup jalan yang boleh membawa kepada kekeliruan akidah dan normalisasi budaya asing. Hal ini kerana sambutan Hari Ibu secara sejarahnya berasal daripada tradisi Barat dan berkembang melalui budaya non-Muslim sebelum diterima secara global. Tambahan pula, penyebaran sambutan ini melalui media sosial, budaya popular dan komersialisme moden menunjukkan bagaimana umat Islam semakin terpengaruh dengan budaya Barat tanpa tapisan yang jelas. Keadaan ini dibimbangi boleh membawa kepada penghakisan identiti Islam dan membuka ruang kepada penerimaan budaya luar secara berlebihan.

Selain itu, Islam sendiri telah menetapkan konsep penghormatan terhadap ibu secara berterusan tanpa perlu mengkhususkan satu hari tertentu sebagaimana budaya Barat moden. Pengkhususan sambutan tahunan seperti Hari Ibu boleh mewujudkan kefahaman bahawa penghargaan terhadap ibu hanya diberikan secara simbolik pada waktu tertentu sedangkan Islam menuntut penghormatan sepanjang hayat. Oleh itu, sambutan Hari Ibu dilihat mempunyai unsur tasyabbuh terhadap budaya kafir yang tidak wajar dijadikan amalan dalam masyarakat Islam. Dalam konteks pemeliharaan akidah dan identiti umat, umat Islam sewajarnya mengekalkan cara penghormatan terhadap ibu berdasarkan ajaran Islam yang asli tanpa perlu meniru budaya dan sambutan yang berasal daripada peradaban non-Muslim.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Islam sememangnya meletakkan kedudukan ibu pada darjat yang sangat tinggi serta menuntut setiap Muslim untuk sentiasa menghormati, menyayangi dan berbuat baik kepada ibu sepanjang kehidupan. Penghormatan terhadap ibu dalam Islam bukan sekadar simbolik atau bermusim, bahkan merupakan tuntutan agama yang berkait rapat dengan akidah, akhlak dan konsep *birr al-wālidayn*. Walau bagaimanapun, sambutan Hari Ibu yang berkembang dalam masyarakat moden perlu dinilai secara ilmiah dan kritikal khususnya dari sudut

⁴⁰ 'Alī Jum'ah, al-Bayān limā Yashghal al-Adhḥān (Kaherah: Dār al-Muqattam, 2010), 322–325.

⁴¹ Yūsuf al-Qaradāwī, Fatāwā Mu'āshirah (Kuwait: Dār al-Qalam, 2003), 2: 527–530

sejarah, budaya serta implikasinya terhadap identiti umat Islam. Unsur tasyabbuh, pengaruh budaya Barat dan proses normalisasi budaya asing melalui media sosial menunjukkan bahawa sesuatu sambutan tidak boleh diterima secara mutlak tanpa penelitian terhadap asal-usul dan nilai yang mendasarinya.

Dalam konteks era globalisasi dan budaya digital masa kini, umat Islam perlu mempunyai kefahaman yang jelas dalam membezakan antara penghormatan terhadap ibu yang dianjurkan Islam dengan sambutan budaya tahunan yang berasal daripada peradaban lain. Di samping itu, masyarakat juga perlu memahami batas antara adat, budaya dan syiar agama agar tidak berlaku kekeliruan yang boleh membawa kepada penghakisan identiti Islam secara perlahan. Pemeliharaan akidah dan identiti Muslim merupakan aspek yang sangat penting dalam menghadapi arus globalisasi budaya yang semakin mencabar. Oleh itu, pendekatan yang berasaskan ilmu, kefahaman syariat dan kesedaran terhadap pengaruh budaya luar amat diperlukan supaya umat Islam dapat mengekalkan prinsip agama tanpa terpengaruh dengan budaya yang bercanggah dengan nilai dan identiti Islam.

RUJUKAN

- Abū Zayd, Bakr ibn ‘Abd Allāh, *Ḥukm al-Iḥtifāl bi A’yād al-Milād wa Ghayrihā* (Riyadh: Dār al-‘Āṣimah, 1999).
- al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Dār Taybah, 2005).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993).
- al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān, *Min Rawā’i al-Qur’ān* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1999).
- al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān, *al-Ḥub fi Allāh wa al-Bughḍ fi Allāh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1993).
- al-Fawzān, Ṣāliḥ, *al-Bayān li Akḥṭā’ Ba‘ḍ al-Kuttāb* (Riyadh: Dār al-‘Āṣimah, 2003).
- al-Nawawī, Yaḥyā ibn Sharaf, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Khayr, 1996).
- al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fi al-Islām* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1997).
- al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *al-Ṣaḥwah al-Islāmiyyah bayna al-Juḥūd wa al-Taṭarruf* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2001).
- al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fatāwā Mu‘āṣirah* (Kuwait: Dār al-Qalam, 2003).
- al-Qurṭubī, Abū ‘Abd Allāh, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* (Beirut: Mu‘assasah al-Risālah, 2006).
- al-Raysūnī, Aḥmad, *Naẓariyyat al-Maqāṣid ‘inda al-Imām al-Shāṭibī* (Herndon: IIIT, 1995).
- al-Shāṭibī, Abū Ishāq, *al-I‘tiṣām* (Riyadh: Dār Ibn ‘Affān, 1992).
- al-Shāṭibī, Abū Ishāq, *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Sharī‘ah* (Jeddah: Dār Ibn ‘Affān, 1997).
- al-Ṣan‘ānī, Muḥammad ibn Ismā‘īl, *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2004).
- al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985).

- Antolini, Katharine Lane, *Memorializing Motherhood: Anna Jarvis and the Struggle for Control of Mother's Day* (Morgantown: West Virginia University Press, 2014).
- Arindita, R. (2017). Representasi ibu ideal pada media sosial (analisis multimodality pada akun instagram@ andienippeka). *Jurnal Komunikasi Global*, 6(2), 131-147.
- Baudrillard, Jean, *The Consumer Society: Myths and Structures* (London: Sage Publications, 1998).
- Castells, Manuel, *The Rise of the Network Society* (Oxford: Blackwell Publishing, 2010).
- Castells, Manuel, *Communication Power* (Oxford: Oxford University Press, 2009).
- Joseph S. Nye Jr., *Soft Power: The Means to Success in World Politics* (New York: PublicAffairs, 2004).
- Robertson, Roland, *Globalization: Social Theory and Global Culture* (London: Sage Publications, 1992).
- Graves, Robert, *The Greek Myths* (London: Penguin Books, 1992).
- H. H. Scullard, *Festivals and Ceremonies of the Roman Republic* (London: Thames and Hudson, 1981).
- Schmidt, Leigh Eric, *Consumer Rites: The Buying and Selling of American Holidays* (Princeton: Princeton University Press, 1995).